



**BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KETIGA
BAGI PENGAL YANG KEEMPAT DEWAN UNDANGAN
NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT YANG TELAH DIADAKAN
PADA 28HB. DISEMBER, 1977.**



BIL. DUN/PP/373

MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGKAL YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI, PULAU PINANG YANG KEEMPAT
YANG AKAN DIADAKAN PADA HARI RABU, 28HB. DISEMBER,
1977, JAM 9.30 PAGI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH
LIGHT, PULAU PINANG.

SUSUNAN MESYUARAT

1. DOA

2. Bertafakur selama dua minit sebagai satu Tanda Penghormatan bagi
Mendiang Yang Berbahagia Datuk Ooh Chooi Cheng.

3. MEMBENTANGKAN RISALAH-RISALAH

Bil. 6 Tahun 1977 — Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 1978.

Bil. 7 Tahun 1977 — Anggaran Pembangunan Tahun 1978.

✓ Bil. 8 Tahun 1977 — Penyata Kewangan bagi tahun 1975 Negeri
Pulau Pinang.

✓ Bil. 9 Tahun 1977 — Lapuran Juru Odit Negara, Malaysia, men-
genai Kira-Kira Negeri, Pulau Pinang bagi
tahun yang berakhir pada 31hb. Disember,
1975.

✓ Bil. 10 Tahun 1977 — Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Air Pulau
Pinang bagi tahun yang berakhir pada 31hb.
Disember, 1975 dan Lapuran Juru Odit
Negara atasnya.

Bil. 11 Tahun 1977 — Penyata Kira-Kira Perbadanan Perpustakaan
Pulau Pinang bagi tahun-tahun 1974, 1975
dan 1976.

Bil. 12 Tahun 1977 — Lapuran Jawatankuasa Kira-Kira Awam atas
Kira-Kira Negeri Pulau Pinang bagi tahun
1973 dan Lapuran Juru Odit Negara atasnya.

Bil. 13 Tahun 1977 — Penyata Kira-Kira Lembaga Muzium Negeri
Pulau Pinang bagi tahun yang berakhir pada
31hb. Disember, 1977.

Bil. 14 Tahun 1977 — Lapuran Lembaga Biasiswa Negeri Pulau
Pinang bagi tahun yang berakhir pada 31hb.
Disember, 1976.

- Bil. 15 Tahun 1977 — Lapuran Lembaga Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang bagi tahun yang berakhir pada 31hb. Disember, 1976.
- Bil. 16 Tahun 1977 — Lapuran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi tahun yang berakhir pada 31hb. Disember, 1976.

4. SOALAN-SOALAN

(A) Soalan-soalan Mulut

I. Y.B. Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya Ketua Menteri:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah tarikh rasmi pengecualian pelan-pelan rumah yang dikenakan di kawasan-kawasan luar bandar di negeri ini akan dikuatkuasakan?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah satu penyusunan baru akan dikuatkuasakan bagi memperkemas pentadbiran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang? Jika ya, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:
 - (i) bilakah tarikh penyusunan itu akan diumumkan;
 - (ii) siapakah yang akan memegang jawatan Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang serta kakitangan-kakitangan penting yang lain?
3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa satu pertunjukan tarian bogel dari luar negeri telah diadakan di sebuah panggung di Pulau Pinang baru-baru ini telah mendapat bantahan yang hebat daripada orangramai? Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan Negeri pada masa-masa yang akan datang?
4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa di negeri kita tidak ada sebuah kompleks pengering padi? Jika sedar, adakah Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan L.P.N. untuk membina sebuah kompleks pengering padi kawasan Kepala Batas, Seberang Perai Utara?
5. Bilakah projek perumahan untuk Penghulu-penghulu akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi kemudahan-kemudahan orangramai menguruskan sebarang pekerjaan?

6. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa bidang kuasa yang diberikan kepada Penghulu di Negeri Pulau Pinang adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan Penghulu-penghulu dan peng-gawa-penggawa di lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia? Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi meng-atasi masalah kekurangan bidang kuasa ini?
7. Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengambil semula pegawai-pegawai Pencegah Maksiat yang masih lagi mempunyai kekosongan?
8. Sepertimana Y.A.B. Ketua Menteri sedia maklum bahawa kawasan-kawasan JKKK yang ujud sekarang adalah luas. Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji dan menyusun semula kedudukan kawasan JKKK?
9. (a) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa elaun atau sagu hati yang telah dibayar kepada Pengerusi-Pengerusi JKKK sebanyak \$60.00 setahun dan Setiausaha-Setiausaha sebanyak \$50.00 setahun itu tidak adil?
- (b) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri akan mengumumkan bahawa elaun atau sagu hati kepada Pengerusi-Pengerusi dan Setia-usaha-Setiausaha kepada JKKK di negeri ini akan dinaikkan kepada \$50.00 sebulan seperti di lain-lain negeri di Malaysia?
10. (a) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa daripada perun-tukan yang dikhaskan kepada peniaga-peniaga kecil (tempat-tempat perniagaan) sebanyak \$2 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga bagi Negeri Pulau Pinang, hanya sebanyak \$600,000.00 sahaja dibelanjakan bagi tahun ini? Sila nyatakan tempat-tempat perniagaan yang telah dapat disediakan dan harga-harganya.
- (b) Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mula mengadakan tempat-tempat perniagaan kecil yang dikhaskan kepada Bumiputra di tempat-tempat seperti berikut:- Kepala Batas, Tasek Gelugor, Telok Air Tawar, Penanti, Bukit Mertajam dan lain-lain tempat yang manasabah atas wang peruntukan baki sebanyak \$2 juta itu?
11. Bilakah projek memperbesarkan Sungai Kerek akan mula dijalan-kan?
12. Sudahkah Y.A.B. Ketua Menteri mengemukakan kepada Kerajaan Persekutuan projek jalanraya dari kampung Tok Bidor ke Kampong Selamat untuk pertimbangan semula dalam RMT? Jika sudah bilakah projek ini akan dilaksanakan?

II. Y.B. Encik Khoo Teng Chye bertanya Ketua Menteri:—

1. Adakah benar perancangan telah disiapkan dan pengambilan tanah telahpun dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk pembaikan jalan ke Jalan Paya Terubong dari jambatan di Ayer Itam ke Tanah Perkuburan United Hokkien? Jika benar, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah peringkat yang berikut bagi projek pembaikan jalan ini akan dilaksanakan?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah tarikh persiapan yang dijadualkan bagi Jalan Paya Terubong ke Jalan Bukit Balik Pulau?
3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah lampu isyarat lalulintas yang di pasang baru-baru ini di simpang-simpang Jalan Kampong Melayu dan Jalan Thean Tek di sepanjang Jalan Ayer Itam akan dinyalakan?
4. Disebabkan kekurangan lot-lot meletak kereta di dalam Bandaraya Pulau Pinang, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan Negeri bertujuan membina tempat-tempat meletak kereta yang bertingkat-tingkat di dalam Bandaraya untuk disewakan atas dasar perdagangan?
5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini projek-projek perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dengan butir-butir tentang tempat, jenis bangunan, bilangan yunit, tarikh persiapan yang dijadualkan dan tarikh yang dijadualkan bagi peruntukan yunit-yunit kepada orangramai?
6. Adakah benar bahawa gerabak-gerabak baru bagi keretapi Bukit Bendera tidak mempunyai ruang ganti-udaraan (ventilation) yang mencukupi? Jika benar, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada kekurangan ini akan diperbaiki oleh pihak Perunding ataupun kontrekter?
7. Adakah benar bahawa enjin sistem Keretapi Bukit Bendera mempunyai kekurangan kuasa untuk menggerakkan gerabak-gerabak baru? Jika benar, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada enjin-enjin baru akan dipasang?

III. Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh bertanya Ketua Menteri:

1. Adakah pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bercadang mendirikan gerai-gerai perniagaan untuk bumptura menjalankan perniagaan di bandar-bandar kecil di negeri ini? Jika ada, sila memberitahu tempat-tempatnya. Jika tidak ada rancangan sedemikian, adakah memadai jika MARA sahaja dipertanggung jawabkan?

2. Bilakah Kerajaan hendak memperbesarkan dan memperelokkan jalanraya dari Titi Mukim hingga ke Permatang Bendahari yang terlalu kecil dan buruk pada hal jalan ini adalah jalan utama bagi penduduk-penduduk di kawasan Penaga.
3. Memandang kepada keperluan-keperluan tertentu, bolehkah Kerajaan membina jambatan menghubungkan Permatang Bendahari ke Kota Kuala Muda kerana Kota Kuala Muda dan Pantai Merdeka adalah menjadi tempat tumpuan orang ramai?
4. Adakah Kerajaan sedar bahawa untuk melepaskan gadaian serta membuat kuasa tanah-tanah adalah mengambil masa yang terlalu panjang? Apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi hal ini?
5. Bolehkah Kerajaan mengeluarkan Lesen Tumpangan Sementara kepada penduduk-penduduk Kuala Muda yang telah menduduki tanah Kerajaan dan menanam pokok-pokok kelapa semenjak turun temurun?

IV. Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak bertanya Ketua Menteri:

1. Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa masih terdapat lagi 200 hingga 300 buah rumah di Bandar Butterworth umpama di kawasan Bagan Ajam yang penghuni-penghuninya belum dapat menikmati kemudahan letrik dan air?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengarahkan pihak yang berkenaan mendirikan sebuah Balai Raya untuk kegunaan penduduk-penduduk dari semua kaum di kawasan pekan Sungai Puyu, Bagan Lalang, Maklom, Ptg. Tok Jaya, Alor Merah, Sg. Lokan dan Kampong Manggis, di atas tanah Lot No. 3, Mukim 6, seluas 0 ekar 1 rood, 3.4 pole bekas tapak balai polis Maklom?

V. Y.B. Encik Ng Swee Ching bertanya Ketua Menteri:

1. (a) Berapakah lesen untuk membela kerang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri kita bersedia untuk menerima permohonan-permohonan untuk membaharui lesen-lesen yang tersebut?
- (c) Adakah Kerajaan Negeri kita bersedia meluluskan semua permohonan untuk membaharui lesen? Jika tidak, apakah sebabnya?
- (d) Adakah Kerajaan Negeri kita bersedia hendak memberi lesen-lesen yang tidak dapat dibaharui itu kepada sesuatu per-tubuhan?

- (e) Adakah Kerajaan Negeri kita dapat tahu apa akan terjadi kepada nelayan-nelayan yang tidak diluluskan permohonan-permohonan untuk membaharui lesen-lesen mereka itu?
 - (f) Jika di sesuatu tempat telah tumbuh anak-anak kerang, adakah anak-anak kerang itu dipunyai oleh penduduk-penduduk dalam kawasan itu sahaja? Jika ya, mengapakah dalam awal tahun 1977, Kerajaan Negeri kita telahpun memberi separuh daripadanya kepada satu pertubuhan di satu tempat? Jika tidak, apa sebabnya?
2. Adakah Kerajaan kita bersedia untuk mengumumkan tarikh untuk menerima permohonan-permohonan, dan tarikh penutupnya serta tapak-tapak yang dicadangkan untuk projek perumahan murah? Adakah Kerajaan kita bersedia hendak mengumumkan syarat-syarat untuk permohonan-permohonan tersebut?

(B) Soalan-Soalan Bertulis

I. Y.B. Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya Ketua Menteri:

1. Bilakah pasar di pekan Tasek Gelugor akan mula dibina?
2. Bolihkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini mengapa pihak Kerajaan Negeri telah membatalkan perusahaan mengorek pasir di Sungai Kulim, daerah Seberang Perai Utara yang telah diusahakan oleh seorang pemborong Bumiputra?
3. Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengarahkan kedai-kedai perniagaan diseluruh negeri kita supaya menulis dipapan-papan tanda perniagaan mereka dengan perkataan-perkataan yang lebih besar dan dengan hanya menggunakan bahasa rasmi sahaja?
4. Sepertimana Y.A.B. Ketua Menteri sedia maklum bahawa pihak Kerajaan Negeri pada masa-masa yang lalu telah tidak memberi peruntukan kepada Pertubuhan-Pertubuhan Belia di Negeri Pulau Pinang. Adakah pada masa-masa yang akan datang, satu peruntukan khas akan diberikan kepada Pertubuhan-Pertubuhan Belia oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

II. Y.B. Encik Abdul Rahman bin Haji Abbas bertanya Ketua Menteri:

1. Kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang adalah tersangat luas dan tugas-tugas ahli-ahlinya adalah berat, sedangkan ahli-ahlinya hanya diberi elaun Mesyuarat sahaja. Hal ini adalah tidak adil dan tidak menasabah. Adakah Kerajaan Negeri bercadang:—

- (i) Mengadakan elaun tetap bulanan kepada ahli-ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang seperti yang dibuat pada masa yang lepas?
- (ii) Memberi keistimewaan-keistimewaan seperti telefon, rumah sakit dan tuntutan hetong batu?

III. Y.B. Encik Abdullah bin Mohamad @ Mahmud bertanya Ketua Menteri:

1. Bilakah rancangan Perai Barrage hendak dijalankan dan berapakah anggaran perbelanjaannya yang telah diuntukkan?
2. Adakah Kerajaan sedar bahawa ramai penghuni rumah murah Peringkat Pertama di Perkampungan Berapit telah menyelesaikan semua hutang mereka? Kalau sedar, adakah apa-apa tindakan untuk mengeluarkan surat hakmilik rumah tersebut kepada mereka dengan seberapa segera?
3. Adakah Kerajaan sedar bahawa pejabat kadi Daerah Bukit Mertajam sekarang sedang menumpang di sebuah rumah kerani di Bukit Mertajam? Kalau sedar bilakah sebuah pejabat yang sesuai akan dibina? Dimanakah tempatnya dicadangkan dan berapakah anggarannya yang telah ditetapkan?
4. Adakah difahamkan bahawa tanah-tanah Kerajaan di Bukit Langkap, Daerah Seberang Perai Tengah telah diberikan untuk diusahakan bagi menanam pokok buah-buahan. Atas dasar apakah tanah-tanah itu diberi?
 - (a) Dasar Lesen Tumpangan Sementara.
 - (b) Dasar Tanaman Buku Hijau.
 - (c) Atau lain-lain tujuan.

IV. Y.B. Encik Ng Swee Ching bertanya Ketua Menteri:

- (a) Berapa buah kereta Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang ada sekarang?
- (b) Siapakah yang mengguna kereta-kereta Kerajaan Negeri dan apakah nombor-nombor kereta tersebut.
- (c) Adakah Kerajaan negeri kita menyediakan kereta-kereta lain untuk tetamu-tetamu khas? Jika ada, ada berapa semuanya? Bolehkah tetamu-tetamu khas menggunakannya untuk hal persendirian?

V. Y.B. Encik Oh Teck Aun bertanya Ketua Menteri:

1. Bolihkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan Undangan Negeri bilakah geran-geran milik dikeluarkan bagi rumah-rumah murah di Taman Sentosa, Bukit Mertajam?
2. (a) Bolihkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan Undangan Negeri ini apakah projek-projek Kerajaan yang telah dirancang bagi daerah Bukit Mertajam di bawah Rancangan Malaysia Ketiga?

(b) Adakah mana-mana projek ini untuk dilaksanakan pada tahun 1978?

VI. Y.B. Encik Lim Heng Tee bertanya Ketua Menteri:

1. Adakah benar bahawa pihak berkuasa negeri merancang mahu membina sebatang jalan baru untuk menghubungkan Jalan Berapit dari Tanah Liat dengan Jalan Muthupalaniappa dikampung Cross Street? Kalau benar, bolehkah Kerajaan memberitahu bila projek ini akan dilaksanakan.
2. Adakah Ketua Menteri sedar bahawa sebidang tanah lot 139 Mk. 14, Bukit Minyak, Bukit Mertajam selalu dilanda air bah disebabkan oleh kedua-dua pintu air yang dibina di Sungai Juru tidak mencukupi dalam pengaliran air? Apakah langkah-langkah atau rancangan kawalan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mencegah supaya kawasan ini tidak sering ditenggelami air bah?
3. Bilakah permohonan-permohonan untuk perumahan murah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kerajaan akan dibuka semula kepada orang umum?
4. Kerajaan Negeri telah bercadang menyewa plot-plot tanah seluas 5 ekar pada pemaju-pemaju swasta bagi pembangunan rumah-rumah murah di Negeri ini. Berapa banyak tanah telah diperuntukan untuk tujuan tersebut dan apakah kemajuannya setakat ini?
5. Berapakah yunit-rumah yang dijangka akan siap dibina pada tahun 1978 oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri? Sila beritahu butir-butir berkenaan dengan tempat dan projek-projek nya?

5. Rang Undang-Undang

1. Rang Undang-Undang Perbekalan (1978), (1977) (Semua Peringkat)

6. Usul-Usul

(A) Y.B. Encik Khor Gark Kim mencadangkan:—

“Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat diatas Kematian Mendiang. Datuk Ooh Chooi Cheng, DMPN., JP dan menyampaikan ucapan takziah kepada isteri Mendiang, Datin Theresa Ooh dan keluarganya”.

(B) Y.A.B. Ketua Menteri mencadangkan:—

“Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$44,744,710 yang tertunjuk didalam anggaran pembangunan, 1978, yang dibentangkan sebagai risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 7/1977 dan menetapkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah dipergunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan didalam anggaran pembangunan, 1978 itu.”

(C) Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh mencadangkan:—

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Y.B. Encik Lim Heng Tee dilantik sebagai seorang Wakil Dewan ini untuk duduk dalam Jemaah Universiti Teknologi Malaysia dibawah Seksyen 13(i) Perlembagaan Universiti tersebut bagi satu tempuh selama tiga tahun dan bahawa perlantikan ini hendaklah berkuatkuasa mulai 1.9.1976’.

Bil: DUN/PP/373

THIRD MEETING OF THE FOURTH SESSION OF THE
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG, TO BE
HELD ON WEDNESDAY, 28TH DECEMBER, 1977, AT
9.30 A.M. AT THE LEGISLATIVE ASSEMBLY
CHAMBERS, LIGHT STREET, PENANG.

ORDERS OF THE DAY

1. **Prayer.**
2. Observance of Two-minute's Silence as a Mark of Respect for the late Yang Bahagia Datuk Ooh Chooi Cheng.
3. **Presentation of Papers.**
 - No. 6 of 1977 — Estimates of Revenue and Expenditure, 1978.
 - No. 7 of 1977 — Development Estimates, 1978.
 - No. 8 of 1977 — Financial Statement for the year 1975 of the State of Penang.
 - No. 9 of 1977 — Report of the Auditor-General, Malaysia, on the accounts of the State of Penang for the year ending 31.12.75.
 - No. 10 of 1977 — Financial Statement of the Penang Water Authority for the year ending 31.12.75 and the Report of the Auditor-General thereon.
 - No. 11 of 1977 — Statement of Accounts of the Penang Library Corporation for the years 1974, 1975 and 1976.
 - No. 12 of 1977 — Report of the Public Accounts Committee on the Accounts of the State of Penang for the year 1973 and the Auditor-General's Report thereon.
 - No. 13 of 1977 — Statement of Accounts of the Penang State Museum Board for the year ending 31.12.76.

- No. 14 of 1977 — Report of the State Scholarship Board, Penang, for the year ending 31.12.76.
- No. 15 of 1977 — Report of the State Minor Scholarship Board, Penang, for the year ending 31.12.76.
- No. 16 of 1977 — Report of the Penang Development Corporation for the year ending 31.12.76.

4. Questions.

(A) Oral:

(I) Hon'ble Encik Md. Noor bin Ahmad to ask the Chief Minister:—

1. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House when will the exemption of building plans be made effective in rural areas in this State?
2. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether there will be any reorganisation to achieve a better administration in the Municipal Councils, Penang and Province Wellesley? If so,
 - (i) When will the reorganisation be announced?
 - (ii) Who will hold the posts of President, Municipal Council, Penang and Municipal Council, Province Wellesley and the senior officers' posts?
3. Is the Hon'ble Chief Minister aware that a foreign striptease show which has been performed in one of the theatres at Penang recently has received strong objections from the public? If so, what action will the State Government take in future?
4. Is the Hon'ble Chief Minister aware that there is no complex for drying padi in our State? If so, can the Government in co-operation with the L.P.N. build such a complex in Kepala Batas, P.W.N.?
5. When will houses be provided to Penghulus by the Government to enable them to better serve the interest of the public?
6. Is the Hon'ble Chief Minister aware that the authority given to Penghulus in the State of Penang is less than that of Penghulus in other States in Peninsular Malaysia? If so, what steps will the Government take to overcome this situation?

7. When will the State Government recruit Anti-Vice Officers to existing vacancies?
8. As the Hon'ble Chief Minister is aware, the existing J.K.K.K. covers a wide area. Will the State Government consider to review the area and reorganisation of J.K.K.K.?
9. (a) Is the Hon'ble Chief Minister aware that allowance or honorarium of \$60/- per annum paid to the Chairmen of JKKK and \$50/- per annum to the Secretaries is not reasonable?
- (b) Can the Chief Minister announce that the allowance or honorarium paid to the Chairmen and Secretaries of JKKK will be increased to \$50.00 a month as in other States in Malaysia?
10. (a) Is the Hon'ble Chief Minister aware that out of the special provision for petty traders (trading sites) amounting to \$2 million in the Third Malaysia Plan for the State of Penang, only \$600,000/- has been spent for this year? Please state the trading sites prepared and the costs.
- (b) When will the State Government set up trading sites for Bumiputras in the following areas — Kepala Batas, Tasek Gelugor, Telok Air Tawar, Penanti, Bukit Mertajam and other suitable places from the balance of the provision of \$2 million?
11. When will the project to widen the Sungai Kerek be implemented?
12. Has the Hon'ble Chief Minister submitted the road project from Kampong Tok Bidor to Kampong Selamat to the Federal Government for reconsideration in the Third Malaysia Plan? If so, when will this project be implemented?

(II) Hon'ble Encik Khoo Teng Chye to ask the Chief Minister:—

1. Is it a fact that planning is ready and land acquisition has been carried out by the State Government for road improvement to Paya Terubong Road — from the bridge at Ayer Itam to the United Hokkien Cemetery? If so, will the Hon'ble Chief Minister inform this House when will the next stage of this road improvement project be implemented?

2. Will the Hon'ble Chief Minister inform this House, when is the scheduled date of completion for the Paya Terubong to Balik Pulau Hill Road?
3. Will the Hon'ble Chief Minister inform this House when will the traffic lights installed recently at the junction of Jalan Kampong Melayu and Jalan Thean Tek along Jalan Ayer Itam be switched on?
4. Due to shortage of car-parking lots in the City of Penang, will the Hon'ble Chief Minister inform this House whether the State Government intend to build multi-storeyed car parks in the City to be let out on a commercial basis?
5. Will the Hon'ble Chief Minister inform this House, the various housing projects undertaken by the Government and P.D.C. with regard to locality, description of building, number of units, scheduled date of completion and scheduled date for allocation to members of the public?
6. Is it a fact that the new carriages of the Penang Hill Railway have insufficient air ventilation? If so, will the Hon'ble Chief Minister inform this House whether this defect will be rectified by the Consultant or the Contractor?
7. Is it a fact that the engine of the Penang Hill Railway system is underpowered to run the new carriages? If so, will the Hon'ble Chief Minister inform this House whether new engine have to be installed?

(III) Hon'ble Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh to ask the Chief Minister:—

1. Has P.D.C. any plans to set up hawkers' stalls for bumi-putras to carry out their business in small towns in this State? If so, please state the sites. If there are no such plans, is it proper for MARA alone to be given such responsibility?
2. When will the Government widen and improve the road from Titi Mukim to Permatang Bendahari which is too narrow and in a bad condition and which forms the main road for residents in Penaga?
3. In view of the need, can the Government construct a bridge linking Permatang Bendahari to Kota Kuala Muda as Kota Kuala Muda and Pantai Merdeka are places of public interest?

4. Is the Government aware that it takes a long time to discharge mortgages and to issue letters of administration in respect of lands? What are the steps to overcome this problem?
5. Can the Government issue T.O.L. to residents in Kuala Muda who have for generations been occupying State land and planting coconut trees?

(IV) Hon'ble Tuan Haji Ibrahim bin Abd. Razak to ask the Chief Minister:—

1. Is the Government aware that there are still 200 to 300 houses in Butterworth such as in Bagan Ajam where the residents are still not able to enjoy electric and water facilities?
2. Can the Hon'ble Chief Minister direct the authority concerned to construct a Community Hall, for the use of all races in pekan Sungai Puyu, Bagan Lalang, Maklom, Permatang Tok Jaya, Alor Merah, Sungei Lokan and Kampong Manggis, on lot No. 3, Mukim 6, with an area of 1 rood 3.4 pole, a former site of the Balai Polis at Maklom?

(V) Hon'ble Encik Ng Swee Ching to ask the Chief Minister:—

1. (a) How many licences for rearing cockles have been issued by the State Government?
- (b) Will the State Government accept applications for renewal of such licences?
- (c) Will the State Government approve all applications for renewal of licences? If no, give reasons.
- (d) Will the State Government give such licences which cannot be renewed to an organisation?
- (e) Is the Government aware of the plight of the fishermen if their applications for renewal of licences are rejected?
- (f) If in an area where spats can be found, will these spats be a common property among the residents of that area only? If so, why was it that in early 1977, the State Government had given part of it to an organisation in the area? If not, why?

2. Can the Government announce the dates for applications, closing dates and the proposed sites for the various low-cost housing schemes? Will the State Government also announce the conditions for applications?

(B) Written:

(I) Hon'ble Encik Md. Noor bin Ahmad to ask the Chief Minister:—

1. When will the market at pekan Tasek Gelugor be built?
2. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House why the State Government has stopped the sand-mining activity in Sungai Kulim, Province Wellesley North which was carried out by a Bumiputra Contractor?
3. When will the State Government direct the shop-houses throughout our State to put up their signboards with bold letters in Bahasa Malaysia only?
4. As the Hon'ble Chief Minister is aware, the State Government has not been giving any provisions to Youth organisations in the State of Penang. Will there be any special provisions in future that may be given to the Youth organisations by the State Government?

(II) Hon'ble Encik Abdul Rahman bin Haji Abbas to ask the Chief Minister:—

1. While the areas under the jurisdiction of the Municipal Council, Province Wellesley and Municipal Council, Penang are very wide, the members are being paid meeting allowances only inspite of their heavy workload which is not fair and reasonable. Does the Government intend to:—
 - (i) fix monthly allowances to the Councillors of the Municipal Council, Province Wellesley and Municipal Council, Penang as in the past;
 - (ii) provide facilities and privileges such as telephone, hospital and mileage claims.

(III) Hon'ble Encik Abdullah bin Mohamad @ Mahmud to ask the Chief Minister:—

1. When will the Prai Barrage project be implemented and how much funds have been provided?

2. Is the Government aware that a majority of the residents of the Low-Cost Housing Phase I at Berapit New Village have paid up their outstanding arrears of rent? If so, will action be taken to issue the deeds immediately to them?
3. Is the Government aware that the office of the Kadi in Bukit Mertajam district is presently occupying a clerk's quarters in Bukit Mertajam? If so, when will a suitable office be built? Where will the proposed site be and how much estimates have been provided?
4. It is understood that State lands in Bukit Langkap, Province Wellesley Central, have been given out for the purpose of planting fruit trees. On what basis are the lands being given?

(a) T.O.L.

(b) Green Book Programme.

(c) Other purposes.

(IV) Hon'ble Encik Ng Swee Ching to ask the Chief Minister:—

- 1 (a) How many State cars are there at present?
- (b) Who use the State cars and what are the Car numbers?
- (c) Does the State Government provide other cars for special guests? If so, how many? Can the special guests use the cars for personal use?

(V) Hon'ble Encik Oh Teck Aun to ask the Chief Minister:—

1. Will the Chief Minister inform the House when will the title deeds for the low-cost houses be issued in respect of the houses built in Taman Sentosa, Bukit Mertajam?
- 2 (a) Will the Chief Minister inform the House what projects the Government has planned for Bukit Mertajam under the Third Malaysia Plan?
- (b) Are any of these projects to be implemented in 1978?

(VI) Hon'ble Encik Lim Heng Tee to ask the Chief Minister:—

1. Is it a fact that the State Authority plans to construct a new road linking Jalan Berapit from Tanah Liat with Jalan Muthupalaniappa at Kampong Cross Street? If so, can the Government inform when will this project be implemented?

2. Is the Hon'ble Chief Minister aware that a piece of land at lot 139, Mukim 14, Bukit Minyak, Bukit Mertajam is always been flooded due to two tidal control gates at Sungei Juru which are incapable of controlling the flow of water? What steps or control measures will be taken by the Government to prevent the area from being flooded?
3. When will applications for low cost houses built by P.D.C. and the Government be opened again to the public?
4. The State Government plans to lease out plots of land of 5 acres to private sectors for the construction of low cost houses in this State. How many lands have been given for such purpose and what is the progress to date?
5. How many units of houses are scheduled to be completed in 1978 by P.D.C. and the State Government? Please give details of the location and the projects.

5. Bills.

1. Supply (1978) Bill, 1977 (All stages).

6. Motions.

- (A) Hon'ble Encik Khor Gark Kim to move:—

“That this House records its deepest sympathy on the demise of the Datuk Ooh Chooi Cheng, D.M.P.N., J.P., and extends its condolences to his wife, Datin Theresa Ooh and family.”

- (B) Hon'ble Chief Minister to move:—

“That this Assembly approves the expenditure of \$44,744,710 shown in the Development Estimates, 1978, tabled as Legislative Assembly Paper No. 7 of 1977 and resolves that the said sum shall be applied for the purposes specified in the said Development Estimates, 1978.”

- (C) Hon'ble Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh to move:—

“That this Assembly resolves that the Hon'ble Encik Lim Heng Tee be appointed as the representative of this Assembly to the Court of Universiti Teknologi Malaysia under Section 13(i) of the Constitution of the said University for a term of 3 years and that this appointment shall have effect from 1.9.76.”

BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGGAL YANG KEEMPAT, DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT, YANG TELAH DIADAKAN PADA HARI RABU, 28HB. DISEMBER, 1977, JAM 9.30 PAGI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG.

HADIR:

Yang	Berhormat	Datuk Speaker (Datuk Haji Harun bin Sirat, D.M.P.N.)
Yang	Berhormat	Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
Yang	Berhormat	Penasihat Undang-Undang (Encik Haidar bin Mohd. Noor)
Yang	Berhormat	Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)
"	"	Ahli Kawasan Kampong Kolam (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P.)
"	"	Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sula im an, K.M.N., A.M.N., P.J.K.)
"	"	Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S. R. e l l i a h, J.P.)
"	"	Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
